

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1999/2000

FEBRUARI 2000

RMK 356 – Pengurusan Binaan dan Kewangan

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

1. Butir-butir urusniaga sebuah firma subkontraktor adalah seperti berikut:

- Modal permulaan yang disediakan oleh 2 ahli kongsi untuk menubuhkan firma – RM25,000 seorang.
- Membeli peralatan berikut melalui Sekim Pinjaman Jangkapendek BPMB:
 - (i) Mesin pembancuh simen - RM2,300
 - (ii) Vibrator (3 unit) - RM175 per unit
 - (iii) Lain-lain alat kecil - RM1,500
 - (iv) Peralatan pejabat - RM3,000
- Membayar sewa pejabat untuk tempoh 6 bulan dengan kadar RM600 sebulan.
- Membeli bahan-bahan binaan yang diperlukan secara kredit. Bayaran pendahuluan RM2,000 (20% dari kos keseluruhan) telah dibayar secara tunai manakala bakinya perlu dibayar dalam tempoh 45 hari.
- Menyiapkan 40 peratus dari kerja yang diminta oleh klien. Jumlah tuntutan yang berkaitan dengan kerja ini ialah sebanyak RM28,000 manakala kos bahan dan bayaran upah pekerja ialah RM8,000 dan RM10,500.

Keperluan:

- (a) Sediakan catitan jernal yang betul untuk setiap urusniaga di atas.
- (b) Pindahkan catitan tersebut ke dalam lejar (akaun T) masing-masing dan kirakan baki akhirnya.

(25 MARKAH)

...2/-

2. (a) Bincangkan kepentingan "Pengurusan Modal Kerja" dalam sesuatu organisasi perniagaan.
- (b) Dalam konsep "Pengurusan Modal Kerja", aset semasa boleh dibahagikan kepada aset semasa tetap dan aset semasa berubah. Bincangkan kedua-dua kategori aset semasa ini dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai.
- (25 MARKAH)
3. (a) Bincangkan tentang penyata-penyata kewangan yang lazimnya terkandung dalam Laporan Tahunan sesebuah perniagaan.
- (b) Terangkan secara ringkas bagaimanakah maklumat yang terkandung dalam penyata-penyata kewangan tersebut boleh digunakan oleh pihak-pihak tertentu:
- (i) Pihak Pengurusan Firma
(ii) Pemiutang atau Pemberi Pinjaman
(iii) Pemilik dan Bakal Pelabur
- (25 MARKAH)
4. Dengan berpandukan penyata Kunci Kira-Kira di bawah, sediakan 2 Analisis Nisbah bagi setiap Kategori berikut:
- (i) Nisbah Kecairan
(ii) Nisbah Kecekapan
(iii) Nisbah Keuntungan

**MAILWAY CONSTRUCTION & SERVICES
KUNCI KIRA-KIRA PADA 31 DISEMBER 1999**

ASET		EKUITI	
Tunai	6,000	Akaun Belum Bayar	18,500
Akaun Belum Terima	21,000	Gaji Belum Bayar	11,500
Inventori	33,000	Cukai Belum Bayar	15,000
Jumlah Aset Semasa	<u>60,000</u>	Jumlah Liabiliti Semasa	<u>45,000</u>
Peralatan	90,000	Bon Belum Bayar	60,000
Bangunan	110,000	Jumlah Liabiliti J/panjang	<u>60,000</u>
Jumlah Aset Tetap	<u>200,000</u>	Ekuiti Pemilik	155,000
JUMLAH ASET	<u>260,000</u>	Jumlah Ekuiti Pemilik	155,000
		JUMLAH EKUITI	<u>260,000</u>

Jumlah **Untung Bersih** dan **Nilai Jualan** bagi 1999 ialah masing-masing sebanyak **RM35,000** dan **RM125,000**.

(25 MARKAH)

5. (a) Apakah kebaikan Sewapajak? Bincangkan tentang **dua** jenis sewapajak yang anda tahu.
- (b) Salah satu dari kaedah pembiayaan jangka pendek ialah Faktor. Terangkan kaedah pembiayaan ini dan nyatakan aplikasinya (applicability) dalam industri binaan.

(25 MARKAH)

6. Sebuah firma telah membeli alat tertentu dengan harga RM90,000. Alat tersebut dijangka mempunyai hayat kegunaan selama 5 tahun dengan nilai skrap RM5,000.

Sediakan satu penyata untuk menunjukkan perbezaan belanja susutnilai untuk setiap tahun (5 tahun) yang akan direkodkan dalam akaun firma tersebut jika kaedah yang dipilih adalah seperti berikut:

- (i) Kaedah Garis Lurus
- (ii) Jumlah Angka-Tahunan
- (iii) Jumlah Baki Berkurangan

Pada pandangan anda, kaedah yang manakah patut digunakan oleh firma berkenaan. Mengapa?

(25 MARKAH)

oooOOooo

